

Perdagangan Jun meningkat 8.7 peratus

PETALING JAYA – Jumlah perdagangan Malaysia pada bulan lalu meningkat sebanyak 8.7 peratus kepada RM237.8 bilion, berbanding RM218.8 bilion tahun sebelumnya, didorong perkembangan ekonomi global yang memberangsangkan.

Prestasi tersebut disumbangkan terutamanya oleh pertumbuhan import sebanyak 17.8 peratus untuk mencecah RM111.8 bilion, selain kenaikan eksport 1.7 peratus kepada RM126 bilion, menurut Buletin Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin menjelaskan, ketika lebihan dagangan menurun 50.8 peratus kepada RM14.3 bilion, Malaysia masih mencatatkan lebihan dagangan untuk bulan ke-50 berturut-turut sejak Mei 2020.

“Berbanding Mei 2024, eks-

port, import dan jumlah dagangan masing-masing mencatatkan penurunan 1.6 peratus, 5.4 peratus dan 3.4 peratus. Sementara imbangan dagangan meningkat 43.6 peratus,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ketua Perangkawan turut menekankan bahawa eksport yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya oleh kenakan eksport ke Taiwan (+RM2.2 bilion), diikuti oleh Amerika Syarikat (+RM1.9 bilion), Thailand (+RM1.3 bilion), Vietnam (+RM623.1 juta) dan India (+RM404.8 juta).

Import yang lebih tinggi pula disumbangkan terutamanya dari China (+RM5.6 bilion), diikuti oleh Amerika Syarikat (+RM2.6 bilion), Taiwan (+RM2.1 bilion), Singapura (+RM2 bilion) dan Republik Korea (+RM1.3 bilion).



MOHD. UZIR memaklumkan peningkatan import seiring permintaan lebih tinggi bagi barang perantaraan, modal dan penggunaan.